



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- 1.0 (a) Jawatan : **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F9**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : SISTEM MAKLUMAT
- 1.1 (a) Jadual Gaji - Gred F9 : RM2,580.00 (minimum) - RM11,110.00 (maksimum)
- (b) Elaun :
Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM300.00
Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM350.00
- 1.2 Syarat Lantikan:
- (i) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM2,580.00);
atau
- (ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,020.00);
atau

- (iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,350.00).

- 1.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 1.4 Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- 1.5 Taraf Jawatan : Kontrak

- 2.0 (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR
GRED N5**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- 2.1 (a) Jadual Gaji - Gred N5 : RM1,650.00 (minimum) - RM6,620.00 (maksimum)
- (b) Elaun : Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM350.00
- 2.2 Syarat Lantikan:
- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00);
atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00);
atau
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00);
atau
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00)
- 2.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 2.4 Program Transformasi Minda/Peperiksaan : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- 2.5 Pengesahan Dalam Perkhidmatan : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- 2.6 Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab menguruskan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan premis dan tanah, penyewaan, tuntutan tunggakan dan lain-lain yang berkaitan
- 2.7 Taraf Jawatan : Tetap / Kontrak

3.0 CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web.: www.mainpp.gov.my.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.
- (c) Pemohon hendaklah **menulis nama jawatan yang dipohon pada penjuru kiri** atas sampul surat yang dihantar.
- (d) Permohonan yang berikut akan ditolak:
 - (i) Tidak menggunakan borang permohonan jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (iv) Tidak disertakan gambar terkini berukuran passport.
 - (v) Tidak disertakan salinan Mykad, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kelulusan Akademik (berkaitan permohonan) dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.
 - (vi) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan beserta salinan Rekod Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
 - (vii) Tidak ditandatangani; dan
 - (viii) Lewat diterima

4.0 Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, 8 & 9, Menara JKP
No.128, Jalan Macalister 10400
PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **09 DISEMBER 2025**

Catatan Am:

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang yang cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam.